



LBS DAN MGB DIKTIKRAF DI 'BUSINESSTODAY INDUSTRY CHOICE AWARDS 2025', MENGUTAMAKAN TERAS KOMUNITI DAN INOVASI

- *Diiktiraf atas Kecemerlangan dalam 'Pembangunan Hartanah Berteraskan Komuniti Terbaik' dan 'Inovasi Dalam Teknologi Pembinaan'*

Petaling Jaya, 24 September 2025 – LBS Bina Group Berhad ("LBS"), pemaju hartanah terkemuka pilihan rakyat, bersama anak syarikatnya, MGB Berhad ("MGB") syarikat pembinaan dan pemaju hartanah serta pengeluar konkrit pratuang IBS, telah menerima pengiktirafan di *BusinessToday Industry Choice Awards 2025* yang berlangsung di Sunway Resort, Kuala Lumpur. Anugerah sulung ini, yang sebahagian besarnya ditentukan melalui undian pembaca, turut disaksikan oleh para pemimpin industri dan pakar terkemuka.

LBS menerima anugerah bagi kategori kecemerlangan dalam 'Pembangunan Hartanah Berteraskan Komuniti Terbaik', sebagai pengiktirafan terhadap falsafah Kumpulan dalam membentuk masyarakat dengan mengutamakan kesejahteraan masyarakat. Sementara itu, MGB dianugerahkan kecemerlangan dalam 'Inovasi Dalam Teknologi Pembinaan', menunjukkan komitmennya dalam mencipta nilai melalui teknologi yang berteraskan integriti, kecekapan dan tanggungjawab.

Mengulas pencapaian tersebut, Tan Sri Dato' Sri ir. (Dr.) Lim Hock San, Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, merangkap Pengerusi Eksekutif Kumpulan MGB berkata, "Kami amat berbesar hati diiktiraf di BusinessToday Industry Choice Awards 2025. Pengiktirafan ini mengukuhkan komitmen teguh kami dalam membangunkan komuniti yang mengutamakan masyarakat, di samping memacu inovasi yang merevolusikan industri pembinaan. Di LBS dan MGB, kami kekal berdedikasi untuk mencipta nilai mampan kepada para pemegang kepentingan, berpanduan integriti, kecekapan dan akauntibiliti dalam usaha kami membentuk masa depan yang lebih baik untuk rakyat Malaysia,"

'BusinessToday Industry Choice Awards 2025', yang dianjurkan bersama dengan 'PC.com Readers' Choice Awards', merupakan platform pengiktirafan terulung di Malaysia yang didorong oleh penggiat industri dan disokong oleh rakan setara. Para pemenang ditentukan melalui undian pembaca, yang mencerminkan suara pengguna serta rakan industri, menjadikan anugerah ini sebagai penanda aras sebenar kepada keyakinan pasaran dan pengiktirafan industri.

Disokong oleh rakan rasmi 'Malaysia Digital Economy Corporation' (MDEC), 'Malaysia External Trade Development Corporation' (MATRADE), 'Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation' (MRANTI) serta pemegang taruh utama industri yang lain, anugerah ini merangkumi 45 kategori merentasi pelbagai sektor, meraikan organisasi yang menampilkan kecemerlangan, inovasi dan kepimpinan.

Sorotan utama acara tahun ini ialah penekanan terhadap pengiktirafan pencapaian dalam Kecerdasan Buatan (AI), yang mencerminkan visi Malaysia untuk muncul sebagai sebuah negara berdaya saing dan berdaya digital.

~Tamat~